

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

(Surah al-Hujurat: 13)

Ayat di atas menerangkan Allah SWT menjadikan manusia pelbagai bangsa dan kaum. Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan sebab turun ayat. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kepentingan Allah SWT menjadikan kita pelbagai bangsa dan kaum. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran ayat. [4 markah]